

[*THE CONCEPT OF QARĀ'IN ON TAFARRUD:  
A STUDY ON AL-MŪQIZAH BY AL-ZAHABĪ*]

KONSEP QARĀ'IN DALAM TAFARRUD:  
KAJIAN TERHADAP AL-MŪQIZAH KARYA AL-ZAHABĪ

DZULFAIDHI HAKIMIE DZULRAIDI

Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: [dzuldzulraidi@gmail.com](mailto:dzuldzulraidi@gmail.com)

---

Received: 5<sup>th</sup> May 2024

Accepted: 28<sup>th</sup> May 2024

Published: 1<sup>st</sup> June 2024

---

### ABSTRACT

*The narration of hadith through tafarrud is often discussed by hadith scholars in their works. However, the discussion of tafarrud typically focuses on it as one of the indicators (qarīnah) for detecting hidden defects ('illah) in a hadith. Al-Zahabī, in his work al-Mūqizah, brings a different perspective to the discussion by addressing the concept and role of qarīnah in verifying the authenticity of a narrator's tafarrud. However, until now, no research has attempted to dissect the concept of the discussion presented by him. This study examines the concept of qarā'in as explained by al-Zahabī and analyzes his discussion in detail. The methodology used is a qualitative approach based on document analysis for data collection and content analysis as the data analysis method. The study finds that al-Zahabī has summarized two qarīnah in accepting a narrator's tafarrud: the narrator's status in hadith and the era in which the narrator lived. If both qarīnah are not found in the narrator, it is highly likely that his tafarrud will be rejected. Consequently, this study suggests further research to identify the methods of qarā'in used by other scholars in the issue of tafarrud. Additionally, a study on the application of qarā'in in upgrading contemporary hadiths status should be conducted to ensure that the discourse on hadith remains vibrant and ongoing.*

**Keywords:** *Qarā'in, 'Illah, Tafarrud, Al-Zahabī, Mutaqaddimīn*

### ABSTRAK

Periwayatan hadith secara *tafarrud* seringkali dibincangkan oleh para sarjana hadith dalam karya-karya mereka. Namun perbincangan *tafarrud* kebiasannya terarah sebagai salah satu *qarīnah* untuk mengesan 'illah dalam sesebuah hadith. Al-Zahabī melalui karyanya *al-Mūqizah* membawa perbincangan dari stereotaip berbeza iaitu berkenaan konsep dan peranan *qarīnah* untuk mengesan keabsahan *tafarrud* seseorang perawi. Namun sehingga kini tiada kajian yang cuba membedah konsep perbincangan yang dikeluarkan oleh beliau. Justeru itu, kajian ini meneliti konsep *qarā'in* yang dijelaskan oleh al-Zahabī serta menganalisis perbincangan beliau secara rapi. Metodologi yang digunakan adalah pendekatan kualitatif berdasarkan analisis dokumentasi sebagai pengumpulan data dan analisis kandungan sebagai metode analisis data. Kajian ini mendapati al-Zahabī telah merumuskan sebanyak dua *qarīnah* dalam menerima *tafarrud* seseorang perawi iaitu kedudukannya dalam hadith dan era zaman perawi tersebut hidup. Sekiranya kedua-dua petunjuk tidak terdapat pada perawi besar kemungkinan riwayatnya secara *tafarrud* adalah tertolak. Justifikasinya, kajian ini mencadangkan sebuah kajian lanjutan bagi mengenal pasti metode *qarā'in* tokoh lain dalam isu *tafarrud*. Selain itu, sebuah kajian aplikasi *qarā'in* dalam menaik taraf status hadith-hadith masa kini wajar dijalankan agar wacana hadith sentiasa marak dan berjalan.

**Kata kunci:** *Qarā'in, 'Illah, Tafarrud, Al-Zahabī, Mutaqaddimīn*

## PENDAHULUAN

Kajian berkenaan elemen *tafarrud* semakin mendapat perhatian daripada para pengkaji hadith. Hal ini berikutan *tafarrud* berkait langsung dengan perawi dan dalam masa yang sama perawi merupakan komponen asas hadith<sup>1</sup>. Begitu juga kajian-kajian lepas membuktikan *tafarrud* berkait rapat dengan disiplin ilmu *'ilal al-hadīth* dan mampu mengubah kedudukan status sesebuah hadith<sup>2</sup>. Menurut Ādil al-Zuraqī (2004), antara punca utama masalah *'illah* yang sering diisukan oleh para sarjana hadith silam adalah berikutan *tafarrud* berlaku<sup>3</sup>. Terma *tafarrud* bermaksud hadith yang diriwayatkan oleh perawi secara bersendirian dan tidak diriwayatkan oleh perawi-perawi lain.

Namun begitu, apabila carian dilakukan pada pengkalan data *Google Scholar* daripada tahun 2015 sehingga 2023, kesemua kajian lepas dilihat menyentuh dari perspektif metodologi para ilmuwan dalam berinteraksi dengan *tafarrud*. Rujuk jadual di bawah:

No.	Tajuk	Penulis	Tahun	Objektif Kajian
1.	Periwayatan al-Tafarrud dan Implikasinya kepada Penilaian Sarjana Hadis dalam Disiplin al-Jarh wa al-Ta'dil <sup>4</sup>	Mohd Aizul Yaakob	2023	Membincangkan mengenai kesan penilaian status perawi terhadap periwayatan secara <i>tafarrud</i> .
2.	Manhaj al-Daraqutni dalam Menilai Periwayatan al-Tafarrud daripada perawi thiqa dalam karya al-'Ilal al-Warida fi al-Ahadith al-Nabawiyya <sup>5</sup>	Mohd Aizul Yaakob dan Roshimah Shamsudin	2021	Membincangkan mengenai metodologi al-Daraqutni dalam menerima riwayat secara <i>tafarrud</i> oleh perawi tsiqah dalam kitabnya.
3.	Penerimaan Hadis Tafarrud menurut Ahmad bin Hanbal <sup>6</sup>	Ahmad Zulkifli Yusof dan Umar Muhammad Noor	2020	Membincangkan metodologi Ahmad bin Hanbal dalam menerima hadith yang diriwayatkan secara <i>tafarrud</i> .

<sup>1</sup> Aizul Yaakob 2023. Periwayatan al-Tafarrud dan Implikasinya kepada Penilaian Sarjana Hadis dalam Disiplin al-Jarh wa al-Ta'dil. *Journal Hadis (INHAD)* 13(25).

<sup>2</sup> Mohd Aizul Yaakob, Roshimah Shamsudin 2019. Periwayatan Hadith Secara al-Tafarrud Menurut Sarjana Hadith: Antara Penerimaan dan Penolakan. *Journal Hadis (INHAD)* 9(18): 182.

<sup>3</sup> Ādil al-Zuraqī. *'Ādil Abd Syakur. Qawā'id Al-'Ilal Wa Qarā'in Al-Tarjīh Riyadh*. Riyadh: Dār al-Muhaddith li al-Nasyr wa al-Tawzī', 2004. 39.

<sup>4</sup> Aizul Yaakob 2023. Periwayatan al-Tafarrud dan Implikasinya kepada Penilaian Sarjana Hadis dalam Disiplin al-Jarh wa al-Ta'dil. *Journal Hadis (INHAD)* 13(25).

<sup>5</sup> Mohd Aizul Yaakob, Roshimah Shamsudin. 2021. Manhaj al-Daraqutni dalam Menilai Periwayatan al-Tafarrud daripada perawi thiqa dalam karya al-'Ilal al-Warida fi al-Ahadith al-Nabawiyya. *Al-Bayan: Journal of al-Quran and Hadith Studies* 19(1).

<sup>6</sup> Ahmad Zulkifli Yusof, Umar Muhammad Noor. 2020. Penerimaan Hadis Tafarrud menurut Ahmad bin Hanbal. *Journal Hadis (INHAD)* 10(20).

4.	Manhaj Sarjana Hadith dalam Menentukan ‘Illah dalam Periwiyatan al-Tafarrud: Kajian Perbandingan antara Sarjana Mutaqaddimin dan Mutaakhirin <sup>7</sup>	Mohd Aizul Yaakob dan Roshimah Shamsudin	2019	Membincangkan mengenai perbandingan tokoh-tokoh silam dan klasik dalam penerimaan riwayat perawi secara <i>tafarrud</i> .
5.	Analisis Kewujudan al-Mutaba’at dalam Periwiyatan Hadith secara al-Tafarrud <sup>8</sup>	Mohd Aizul Yaakob dan Roshimah Shamsudin	2019	Membincangkan mengenai terdapat riwayat yang didakwa secara <i>tafarrud</i> namun sebenarnya wujud sokongan.
6.	The Issue of Tafarrud and Nakarah between Traditionists and Historians (Analytical Study) <sup>9</sup>	Abdul Samad Shaikh	2015	Membincangkan mengenai isu <i>tafarrud</i> dan masalah ( <i>nakārah</i> ) yang pernah dikeluarkan oleh para muhaddithīn dan ahli sejarah serta perbandingan metodologinya.

Jadual 1: Rumusan literatur mengenai tema *tafarrud*

Walaupun bagaimanapun kajian ini membawa perbincangan *tafarrud* daripada perspektif berbeza iaitu konsep *qarā’in* dalam menilai keabsahan sesebuah *tafarrud*. Hal ini dibincangkan oleh ilmuwan hadith ulung, al-Zahabī (m 748h) dalam karya beliau *al-Mūqizah* namun sehingga kini tidak dijumpai mana-mana kajian membincangkannya. Justeru kajian ini dijalankan bagi mengisi kelompongan kajian-kajian sebelum dan membuka cabang perbincangan hadith yang baru.

### Pengenalan Karya *al-Mūqizah*

*Al-Mūqizah*, pada asalnya merupakan sebuah ringkasan yang disusun berdasarkan karya daripada guru al-Zahabī sendiri iaitu Ibn Daqīq al-‘Eid yang berjudul *al-Iqtirāh fī Bayān al-Ittilāh*. Ia merupakan sebuah karya yang kaya dengan maklumat dalam ilmu hadith serta mempunyai beberapa keistimewaan antaranya saiz yang kecil berbanding karya-karya sebelum yang lebih tebal. Menurut Abdullah al-Sa’ad (2017), pelbagai karya telah diterbitkan sepanjang zaman dalam lapangan hadith. Namun karya *al-Iqtirāh* dan *al-Mūqizah* ini mempunyai

<sup>7</sup> Mohd Aizul Yaakob, Roshimah Shamsudin. 2019. Manhaj Sarjana Hadith dalam Menentukan ‘Illah dalam Periwiyatan al-Tafarrud: Kajian Perbandingan antara Sarjana Mutaqaddimin dan Mutaakhirin. *Journal of Hadith Studies* 4(1).

<sup>8</sup> Mohd Aizul Yaakob, Roshimah Shamsudin. 2019. Analisis Kewujudan al-Mutaba’at dalam Periwiyatan Hadith secara al-Tafarrud. *Ma’alim al-Quran wa al-Sunnah* 15(2).

<sup>9</sup> Abdul Samad Shaikh. 2015. The Issue of Tafarrud and Nakarah between Traditionists and Historians (Analytical Study). *The Scholar Islamic Academic Research Journal* 1(1).

beberapa keistimewaan yang tidak dijumpai pada penulisan-penulisan lain. Antaranya Ibn Daqīq al-‘Eid memasukkan perbincangan yang jarang dibincangkan secara formal oleh para ilmuwan lain iaitu antaranya berkaitan khilaf yang terjadi antara ahli fiqh dan hadith. Dalam masa yang sama, beliau membahagikan hadith sahih kepada beberapa tingkatan. Seterusnya beliau juga menggabungkan antara teori dan praktikal dalam perbincangannya<sup>10</sup>.

Dalam proses penyusunan *al-Mūqizah* ini, al-Zahabī melakukan sejumlah penambahbaikan atau perbaikan tertentu pada teks asli *al-Iqtirāh fī Bayān al-Istilāh*. Antara penambahbaikannya beliau membincangkan secara lebih terperinci pada perbincangan bab *al-Jahālah*. Selain itu beliau juga membawa tambahan faedah daripada ilmuwan hadith silam mengenai bab *munkar, syādh, gharābah* dan *tafarrud*. Beliau juga menambah perbahasan istilah *al-matrūh* yang tidak dibincangkan ilmuwan lain<sup>11</sup>.

Kitab ini terdiri daripada 35 bab perbincangan bermula dengan bab *sahīh* dan diakhiri dengan bab *al-mu’talif wa al-mukhtalif*. Terdapat beberapa tokoh ilmuwan Islam yang telah melakukan semakan (*al-tahqīq*) terhadap karya ini dan antara yang termasyhur adalah *al-tahqīq* daripada Abdul Fattah Abū Ghuddah<sup>12</sup>. Ia telah diterbitkan oleh beberapa syarikat penerbitan antaranya *Dār al-Salām*, Maktabah Nur dan sebagainya.

## METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini merupakan sebuah kajian yang berasaskan pendekatan kualitatif. Hal ini disebabkan, kualitatif ialah pendekatan yang paling sesuai dalam memahami sesuatu isu dengan lebih mendalam<sup>13</sup> seperti mengkaji berkenaan konsep *qarā’in* dalam *tafarrud* seseorang perawi.

Dalam pengumpulan data, metode dokumentasi digunakan iaitu dengan mengumpulkan sumber-sumber primer dan sekunder dalam mengenal pasti konsep *qarā’in* dan praktikalitinya *tafarrud* perawi-perawi hadith. Selain itu, kajian ini akan mengumpulkan konsep *qarā’in* dalam *tafarrud* yang diperkenalkan oleh al-Zahabī dalam karyanya *al-Muqizah*. Sumber-sumber yang digunakan ini diperoleh daripada perpustakaan, artikel jurnal, tesis dan disertasi, koleksi peribadi, buku berbentuk PDF dan *digital library* seperti aplikasi *al-Maktabah al-Shāmilah*.

Berkenaan analisis data pula, metode analisis kandungan diaplikasikan dalam kajian ini bagi mengenal pasti definisi sebenar *qarā’in* oleh para ilmuwan klasik dan kontemporari. Selain itu, konsep sebenar *tafarrud* juga akan dijelaskan berdasarkan pendapat-pendapat

<sup>10</sup> Abdullah Abdul Rahman al-Sa’ad. *Al-Mufaṣṣal fī Syarh al-Mūqizah*. Riyādh: Dār al-Tauhīd li al-Nasyr, 2017, 31.

<sup>11</sup> Al-Syarīf Hātim al-‘Awnī. *Syarh Mūqizah al-Zahabī*. Kaherah: Dār Ibn al-Jawzī, 2006, 7.

<sup>12</sup> Al-Zahabi. *al-Mūqizah fī ‘Ilm Muṣṭalah al-Hadīth*. Beirut: Maktabah al-Maṭbū’āt al-Islāmiyyah bi Halab ed. Abū Fattah Abū Ghuddah, 1992.

<sup>13</sup> Mohd Awang Idris, Haslina Muhamad, and R Zirwatul Aida R Ibrahim. *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018, 76.

ilmuwan yang muktabar. Seterusnya, melihat kepada kesinambungan konsep *qarā'in* terhadap *tafarrud* melalui analisis yang dilakukan terhadap karya al-Zahabī iaitu *al-Mūqizah fī 'Ilm al-Muṣṭalah al-Hadīth*.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Konsep Tafarrud

Perkataan *tafarrud* berasal daripada kalimah bahasa Arab. Ia merupakan kata terbitan daripada kalimah *تَفَرَّدَ – يَتَفَرَّدُ – تَفَرُّدٌ*<sup>14</sup>. Kalimah ini berasal daripada kata akar *فَرَدَ* yang bermaksud ganjil. Ibn Fāris (m. 395h) berpandangan kalimah *farada* membawa maksud tunggal atau seorang diri<sup>15</sup>. Hal ini dipersetujui oleh al-Raghib namun beliau memilih maksud yang lebih khusus iaitu bersendirian dan tidak bercampur selainnya<sup>16</sup>. Justeru kesimpulan yang dapat dikeluarkan daripada keseluruhan pandangan di atas bahawa *tafarrud* membawa pengertian sendirian.

Kemudian daripada sudut istilah, definisi *tafarrud* tidak jauh beza berbanding pengertian secara bahasa. Perbincangan mengenai definisi secara istilah dapat ditemui dari beberapa sarjana, termasuk al-Malyābārī (2001) yang menyatakan bahawa *tafarrud* merujuk kepada perawi yang meriwayatkan hadith tanpa diiringi oleh perawi-perawi lain<sup>17</sup>. Abdul Jawwad Hammām (2008) dilihat memberikan definisi yang terbaik dengan mengatakan *al-tafarrud* membawa maksud sesuatu hadith yang datang melalui jalan seorang perawi tanpa diiringi oleh perawi-perawi yang lain dan berlaku dalam beberapa kemungkinan iaitu sama ada pada asal hadith (*mutlaq*) atau sebahagian daripadanya (*nisbī*), berlaku pertembungan (*al-mukhālafah*) ataupun tidak, berlaku tambahan (*al-ziyādah*) ataupun tidak, berlaku pada sanad ataupun matan dan melalui perawi yang *thiqah* ataupun tidak<sup>18</sup>. Dengan demikian definisi-definisi ini pada dasarnya menyampaikan erti yang hampir sama mengenai periwayatan *tafarrud* iaitu periwayatan secara bersendirian oleh seorang perawi tanpa adanya perawi lain yang meriwayatkan hadith tersebut.

Terma *tafarrud* telah digunakan secara meluas oleh para ilmuwan hadith *mutaqaddimīn* apabila menilai periwayatan seseorang perawi<sup>19</sup>. Seperti contoh perkataan al-Dāraqutnī ketika mengomentari hadith Artah bin al-Munzir:

<sup>14</sup> Ahmad al-'Ayid et.al. *Al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*, T.T: Munazzamah al-'Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-'Ulum, (t.t), 924.

<sup>15</sup> Abu al-Husayn Ahmad bin Faris bin Zakariyya. *Maqayis al-Lughah* tahqiq 'Abd al-Salam Muhammad Harun, T.T: Dar al-Fikr, j. 4, h. 500.

<sup>16</sup> Abu al-Qasim al-Husayn bin Muhammad, al-Raghib al-Asfahani (t.t.), *Al-Mufradat fi Gharib al-Quran* tahqiq Muhammad Sayyid Kaylani, T.T.P.: T.T, Kitab al-Fa', h. 375.

<sup>17</sup> al-Malyabārī, H. A. *Muwāzanah Bayna al-Mutaqaddimīn wa al-Muta'akhhirīn fi Taṣḥīḥ al-Ḥadīth wa Ta'līliha*. Beirut: Dār Ibn Hazm.2001.

<sup>18</sup> 'Abd al-Jawad Hamam, *Al-Tafarrud fi Riwayah al-Hadith wa Manhaj al-Muhaddithin fi Qabulihi aw Raddihi (Dirasah Ta'siliyyah Tatbiqiyah)*, 2008, 45-59.

<sup>19</sup> Dzul Dzulraidi. *Terjemahan Syarah Muqizah Az-Zahabi* Terengganu: Paddi Resources, 2023, 53.

تَقَرَّدَ بِهِ أَرْطَاهُ بْنُ الْمُنْذِرِ

Terjemahan: Artah bin al-Munzir **bertafarrud** pada hadith ini.

Menurut Hamām (2008), ahli hadis *muta'akhhirīn* nampaknya kurang memberi perhatian kepada aspek tafarrud dalam kritikan hadis, sementara ahli hadis *mutaqaddimīn* lebih berfokus pada aspek ini. Ibn Rajab al-Ḥanbalī (2014) menyatakan bahawa huffaz *mutaqaddimīn* cenderung menyatakan bahawa hadis yang mengalami tafarrud dan tidak bertentangan dengan riwayat perawi *thiqah* lainnya dianggap tidak sah. Ibrāhīm al-Lāḥim (t.th.) juga menyebut bahawa *mutaqaddimīn* tidak hanya memerhatikan zahir sanad dan matan, tetapi juga petunjuk luaran dan tersembunyi untuk menentukan kesahihan suatu hadis. Oleh itu, kajian yang mengkaji metodologi ulama *mutaqaddimīn* dalam menilai dan menerima hadis tafarrud diperlukan.

Menurut Aizul Yaakob dan Roshimah Shamsudin (2019), terdapat 10 istilah-istilah dalam lapangan hadith yang kebiasaannya digunakan oleh para *muhadithīn* bagi menunjukkan terdapat riwayat secara *tafarrud* oleh perawi<sup>20</sup>. Ringkasan istilah-istilah tersebut adalah seperti jadual di bawah:

No.	Istilah yang membawa maksud seerti dengan <i>tafarrud</i>
1.	<i>Tafarrada bihi fulān</i> (fulan bersendirian pada riwayatnya)
2.	<i>Gharīb</i> (riwayat secara janggal atau tunggal)
3.	<i>Lā Yutāba' 'alayh</i> (tiada sokongan bagi hadithnya)
4.	<i>Syādh</i> (janggal)
5.	<i>Ghayr Mahfūz</i> (riwayat yang tidak disokong oleh perawi <i>tsiqah</i> )
6.	<i>Munkar</i> (riwayat yang bermasalah)
7.	<i>Khata'</i> (riwayat yang salah)
8.	<i>Fā'idah</i> (kebiasaannya digunakan seerti dengan istilah <i>gharīb</i> )
9.	<i>Hasan</i> (terkadang digunakan seerti dengan istilah <i>gharīb</i> )
10.	<i>Lā yarwīhi 'an fulān illā fulān</i> (tiada yang meriwayatkan kecuali fulan)

Jadual 2: Ringkasan istilah seerti dengan *tafarrud*

<sup>20</sup> Mohd Aizul Yaakob, Roshimah Shamsudin 2019. Periwiyatan Hadith Secara al-Tafarrud Menurut Sarjana Hadith: Antara Penerimaan dan Penolakan. *Journal Hadis (INHAD)* 9(18): 185.

## Konsep Qarā'in dalam Tafarrud

### Definisi Qarā'in

*Qarā'in* terdiri daripada perkataan dalam Bahasa Arab. Ia merupakan bentuk jamak, sementara bentuk tunggalnya adalah *qarīnah*<sup>21</sup>. Perkataan ini berasal dari kata kerja *qarana* yang bermaksud menggabungkan atau menyatukan sesuatu dengan sesuatu yang lain dengan kuat atau keras<sup>22</sup>. Selain itu, *qarana* juga bermaksud kebersamaan antara dua perkara<sup>23</sup>.

Daripada segi istilah, Sāmīr al-Kabīsī (2021) berpendapat bahawa tiada definisi yang jelas diberikan oleh ahli hadith terdahulu. Mereka cenderung menggunakan istilah ini seperti deria keenam yang ada pada seseorang<sup>24</sup>. Mustafa al-Zarqā' mendefinisikan *qarīnah* sebagai petunjuk yang mengarahkan kepada objektif atau hasil yang diinginkan<sup>25</sup>. Ahmad Ma'bad pula menggambarannya sebagai sesuatu yang menunjukkan objektif secara tidak langsung<sup>26</sup>. Tambahan lagi, Ayyub al-Husainī (m. 1094H) mendefinisikan *qarīnah* sebagai sesuatu yang menjelaskan objektif tanpa sengaja<sup>27</sup>. Berdasarkan pandangan-pandangan ini, dapat disimpulkan bahawa *qarīnah* dalam konteks istilah merujuk kepada petunjuk yang ditemui secara tidak langsung dan membantu menjelaskan objektif kajian. Rujuk jadual di bawah:

Bil.	Tokoh	Definisi
1.	Mustafa al-Zarqā'	Sesuatu petunjuk yang menjelaskan sesuatu yang tersembunyi sehingga menunjukkan objektif.
2.	Ahmad Ma'bad	Sesuatu yang menunjukkan kepada objektif secara tidak langsung
3.	Ayyub al-Husainī	Sesuatu yang menjelaskan objektif tanpa disengajakan
<b>Kesimpulan</b>	<b>Sesuatu petunjuk yang dijumpai secara tidak langsung dan menjelaskan objektif kajian</b>	

Jadual 1: Definisi-definisi *Qarā'in*

<sup>21</sup> "Qarā'in." *Al-Ma'āny*, 2010, diakses pada 22 November 2023, <https://www.almaany.com/ar/dict/arar/%D9%82%D8%B1%D8%A7%D8%A6%D9%86/>

<sup>22</sup> Ibn Fāris, Ahmad bin Fāris. *Mu'jam Māqayis Al-Lughah*. tahkik Abdul Salam Harun. Vol. 5, Kaerah: Dār al-Fikr, 1979.

<sup>23</sup> Ismail bin Ahmad. *Al-Sihāh Tāj Al-Lughah Wa Sihāh Al-'Arabiyah*. diedit oleh Ahmad Abd al-Ghafur. Beirut: Dār al-'Ilm, 1987.

<sup>24</sup> Sāmīr al-Kabīsī. "Athar Al-Qarā'in Fī Al-Tarjīh Bi Al-Jazm Bi Al-Samā' Al-Mubāsyr Wa Al-Taḥdīth Bihi Mirāran." *Majallah al-Muhaddith al-'Irāqiyah* 3, no. 1 (2021), 106.

<sup>25</sup> Hanān Qamāri. "Ta'arud Qarā'in Al-Tarjīh Wa Dawābit Daf'ihā 'Inda Al-Imām Ibn Abi Hātim Min Khilāli Kitābihi Al-'Ilal." Disertasi Master, Echahid Hamma Lakhdar University, 2016.(42).

<sup>26</sup> Masyaqbah, Abdul Rahman Muhammad. "Athar Al-Qarā'in Fi Ikhtilāf Al-Nuqqād Fi Tarjīh Bayna Al-Riwāyāt Wa l'ālīhā." *Majallah Nisf Sanawiyah Muhkamah* 18, no. 2 (2021), 253.

<sup>27</sup> Ayyub al-Husainī. *Al-Kulliyāt Mu'jam Fi Al-Mustalahāt Wa Al-Furūq Al-Lughawiyah*. tahkik 'Adnān Darwisy. Beirut: Muasasah al-Risālah, 2009.

Penggunaan *qarīnah* mempunyai asas rujukannya daripada syariat. Hal ini boleh dilihat dalam Al-Quran surah Yūsuf:

وَجَاءُوا عَلَى قَمِيصَةٍ بِدَمٍ كَذِبٍ ۗ قَالَ، بَلْ سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنْفُسُكُمْ أَمْرًا فَصَبِرْ جَمِيلًا ۗ وَاللَّهُ الْمُسْتَعَانُ عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ ۙ ١٨

Terjemahan: Dan (bagi mengesahkan dakwaan itu) mereka pula melumurkan baju Yūsuf dengan darah palsu. Bapa mereka berkata: “Tidak! Bahkan nafsu kamu memperelokkan kepada kamu suatu perkara (yang tidak diterima akal). Kalau demikian, bersabarlah aku dengan sebaik-baiknya, dan Allah jualah yang dipohonkan pertolongannya, mengenai apa yang kamu katakan itu<sup>28</sup>.

Al-Qurtubī (m. 671H) menceritakan bahawa apabila adik-beradik Nabi Yūsuf AS ingin menggunakan darah sebagai *qarīnah* untuk menyokong dakwaan mereka, Allah SWT menzahirkan *qarīnah* balas bahawa tiada kesan gigitan serigala pada baju Nabi Yūsuf AS. Ketika Nabi Ya‘qūb AS melihat situasi ini, Baginda tidak mempercayai dakwaan adik-beradik Nabi Yūsuf AS<sup>29</sup>. Ini menunjukkan bahawa penggunaan *qarīnah* telah disyariatkan dalam Islam sejak zaman dahulu.

Abdullah Muhammad Hasan (2013) menyatakan bahawa para ilmuwan Islam bersetuju mengenai peranan *qarīnah* dalam ilmu fiqh, bahasa, usul fiqh, ilmu kalam, dan hadith secara umum, walaupun terdapat perbezaan dalam aplikasi dan pembahagiannya<sup>30</sup>. Namun, kajian ini hanya akan memfokuskan kepada ilmu hadith semata-mata. Abd Qādir Muhammad (2018) merumuskan definisi *qarīnah* dalam ilmu hadith sebagai tanda yang menunjukkan kewujudan atau ketiadaan ‘illah pada sesebuah hadith yang berkaitan dengan perawi dan riwayat<sup>31</sup>.

Menurut Hātīm al-Awnī (2018), terdapat perbezaan yang jelas antara *qarīnah* dan *dalīl*. *Dalīl* adalah bukti konkrit yang mencukupi untuk mensabitkan sesuatu dengan hanya satu *dalīl*, manakala *qarīnah* memerlukan lebih daripada satu petunjuk untuk mensabitkan sesuatu perkara<sup>32</sup>. Hal ini boleh diibaratkan seperti kes pembunuhan. *Dalīl* diumpamakan sebagai pengakuan suspek, manakala *qarīnah* seperti motif pembunuhan. Pengakuan suspek sudah mencukupi untuk mensabitkan kesalahan membunuh, sedangkan motif pembunuhan sahaja tidak mencukupi tanpa disokong oleh *qarīnah* lain. Rujuk jadual di bawah:

<sup>28</sup> Surah Yūsuf, 18.

<sup>29</sup> Al-Qurtubī. *Al-Jāmi‘ Li Ahkām Al-Qur‘ān*. tahkik Abdullah bin Abd Muhsin. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2006.

<sup>30</sup> Abdullah Muhammad Hasan. *Al-Qarāin Wa Atharuhā Fi ‘Ilmi Al-Hadīth*. Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah, 2012.

<sup>31</sup> Sāmīr al-Kabīsī. "Athar Al-Qarāin Fī Al-Tarjīh Bi Al-Jazm Bi Al-Samā‘ Al-Mubāsīr Wa Al-Tahdīth Bihi Mirāran." *Majallah al-Muhaddith al-‘Irāqiyah* 3, no. 1 (2021).106.

<sup>32</sup> Hātīm al-Awnī, Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm ‘alā al-Ḥadīth. Beirut: Markaz Namā‘ li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt, 2018 212.

<i>Qarīnah</i>	<i>Dalīl</i>
Definisi: Tanda yang menunjukkan wujud atau tidak 'illah pada sesebuah hadith berhubungkait perawi dan riwayat	Definisi: Bukti yang menunjukkan wujud atau tidak 'illah pada sesebuah hadith berhubungkait perawi dan riwayat
Contoh: Periwatyan secara bersendirian merupakan <b>petunjuk</b> kewujudan 'illah sesebuah hadith	Contoh: Pengakuan perawi bahawa dia tersilap merupakan <b>bukti</b> 'illah sesebuah hadith

Jadual 2: Perbezaan *Qarīnah* dan *Dalīl*

Naurah Didān berpandangan *qarīnah* dalam hadith terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu *qarā'in al-tarjīh* dan *qarā'in al-ta'līl*. *Qarā'in al-tarjīh* merupakan petunjuk-petunjuk yang digunakan untuk menentukan salah satu riwayat yang bercanggahan dengan riwayat yang lain. Di samping itu, *qarā'in al-ta'līl* bermaksud petunjuk-petunjuk yang digunakan untuk memilih salah satu riwayat bermasalah daripada keduanya<sup>33</sup>. Meskipun begitu, Hanān Qamari (2016) menambah dua pecahan lain iaitu *qarā'in al-jam'* yang digunakan untuk menggabungkan kedua-dua riwayat dan *qarā'in daf' al-'illah* memberi pengertian petunjuk untuk mengangkat 'illah yang terdapat pada kedua-dua riwayat<sup>34</sup>. Rujuk jadual di bawah:

Bil.	Pembahagian	Definisi
1.	<i>Qarā'in al-Tarjīh</i>	Petunjuk yang digunakan untuk memilih salah satu riwayat yang bercanggahan
2.	<i>Qarā'in al-Ta'līl</i>	Petunjuk yang digunakan untuk menentukan salah satu riwayat yang bermasalah
3.	<i>Qarā'in al-Jam'</i>	Petunjuk yang digunakan untuk menerima kedua-dua riwayat
4.	<i>Qarā'in Daf' al-'Illah</i>	Petunjuk yang digunakan untuk menghilangkan 'illah yang terdapat pada riwayat

Jadual 3: Pembahagian *Qarā'in*

'Ādil al-Zuraqī berpandangan *qarā'in* daripada sudut kuantiti terlalu banyak dan tidak dapat ditentukan limitasinya. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh dibahagikan kepada dua kelompok iaitu *qarā'in* yang selalu digunakan oleh ilmuwan hadith dan dinamakan *qarā'in 'ammah*, manakala *qarā'in* yang kurang digunakan disebut sebagai *qarā'in khāṣṣah*<sup>35</sup>.

<sup>33</sup> Naurah Didān. "Qarā'in Al-Tarjīh Allatī Wāzana Bihā Al-Hāfidh Al-Mizzzi 'Inda Al-Ikhtilāf Bi Ziyādah Rāwi Au Isqātihi Min Al-Isnād Min Khilāli Kitābihi Tahzīb Al-Kamāl: Dirāsag Nazariyyah." Tesis PhD, Universiti Qāsim (832).

<sup>34</sup> Hanān Qamāri. "Ta'ārud Qarā'in Al-Tarjih Wa Dawābit Daf'ihā 'Inda Al-Imām Ibn Abi Hātim Min Khilāli Kitābihi Al-'Ilal." Disertasi Master, Echahid Hama Lakhdar University, 2016.(45).

<sup>35</sup> 'Ādil al-Zuraqī. 'Ādil Abd Syakur. *Qawā'id Al-Ilal Wa Qarā'in Al-Tarjīh Riyadh*. Riyadh: Dār al-Muhaddith li al-Nasyr wa al-Tawzī', 2004.

## Peranan *Qarā'in*

*Qarā'in* daripada sudut peranan atau penggunaannya terbahagi kepada dua bahagian. Pertama *qarā'in isnādiyyah* iaitu petunjuk-petunjuk yang digunakan pada perbincangan sanad sama ada berkenaan sifat riwayat atau perbincangan keterputusan dan kebersambungan sanad. Bahagian kedua pula dinamakan *qarā'in matniyyah* bermaksud petunjuk-petunjuk yang digunakan pada perbincangan matan atau teks hadith<sup>36</sup>.

Antara perbincangan *qarā'in* dalam skop sanad adalah menyentuh berkaitan ilmu *al-jarh wa al-ta'dīl*. Al-Haitham Muhammad (2021) mendefinisikannya sebagai petunjuk-petunjuk berhubung perawi, tokoh *al-jarh wa al-ta'dīl* atau konteks ulasan terhadap perawi yang boleh digunakan untuk menguatkan salah satu pandangan sama ada kritikan atau pujian<sup>37</sup>.

Selain itu, *qarā'in* juga digunakan bagi menyelesaikan isu *tadlīs* bagi perawi. *Tadlīs* bermaksud helah yang digunakan oleh perawi. *Tadlīs* tidak sama seperti penipuan bahkan perawi tidak dihukum penipu sekiranya melakukan *tadlīs*<sup>38</sup>. Justeru itu, *qarā'in al-tarjīh* diaplikasi untuk menyelesaikan masalah sama ada *tadlīs* yang dilakukan oleh perawi tersebut menyebabkan hadithnya tertolak dan tidak diterima<sup>39</sup>.

Begitu juga *qarā'in* digunakan dalam isu pensabitan *samā'*. Menurut Majdi 'Atiyyah (2004) isu ini berlaku apabila perawi diperselisihkan status *samā'* berbanding perawi lain. Hal ini demikian apabila sebahagian tokoh hadith silam menetapkan berlaku *samā'* antara kedua-dua perawi walhal sebahagian tokoh yang lain menafikannya. Justeru pemilihan pandangan dijalankan melalui pendekatan *qarā'in al-tarjīh*<sup>40</sup>.

Contoh yang dapat dikeluarkan adalah situasi *samā'* perawi bernama Abān bin Uthmān bin 'Affān daripada ayahnya. Ahmad bin Hanbal menyatakan Abān tidak ada mengambil riwayat manakala Muslim bin Hajjāj meriwayatkan dalam sahih beliau hadith Abān daripada ayahnya<sup>41</sup>. Situasi lain, *samā'* Ibrāhim bin Abd Rahman bin 'Auf daripada Umar. Al-Bayhaqī menyatakan *samā'* tersebut tidak berlaku sedangkan Ya'qūb bin Shaybah menetapkan sebaliknya<sup>42</sup>.

Begitu juga berfokuskan kepada kajian, *qarā'in* juga dilihat berperanan dalam menentukan keabsahan tafarrud seseorang perawi. Hal ini dapat dilihat daripada perbincangan

<sup>36</sup> Hanān Qamāri. "Ta'ārūd Qarāin Al-Tarjih Wa Dawābit Daf'ihā 'Inda Al-Imām Ibn Abi Hātim Min Khilāli Kitābihi Al-'Ilal." Disertasi Master, Echahid Hama Lakhdar University, 2016.(45).

<sup>37</sup> Al-Haitham Muhammad. "Qarāin Al-Tarjīh Bayna Aqwāl Al-Jarh Wa Al-Ta'dīl Al-Muta'āridah 'Inda Ibn Addī Fi Kitābihi Al-Kāmil." Disertasi Master, Universiti Tayyibah, 2021.(6).

<sup>38</sup> Dzul Dzulraidi. *Terjemahan Syarah Muqizah Az-Zahabi* Terengganu: Paddi Resources, 2023, 64.

<sup>39</sup> Hātim al-Awnī, Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm 'alā al-Ḥadīth. Beirut: Markaz Namā' li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt, 2018 210.

<sup>40</sup> Majdi 'Atiyyah. *Al-Ilmā' Fi Itbāth Al-Samā'*. Mesir: Maktabah Ibn 'Abbās, 2005. 4.

<sup>41</sup> *Ibid*, 6.

<sup>42</sup> *Ibid*, 7.

al-Zahabī dalam karya *al-Mūqizah*. Namun persoalannya apakah bentuk *qarā'in* yang beliau gunakan dalam menentukan keabsahan *tafarrud* seseorang perawi?

### Konsep *Qarā'in al-Tarjīh* terhadap *Tafarrud* menurut al-Zahabī

Al-Zahabī membincangkan mengenai isu *tafarrud* pada tiga tempat dalam *al-Mūqizah* iaitu pertama ketika membincangkan mengenai istilah *al-syāz*, kedua pada istilah *al-munkar* dan terakhir pada perbincangan tingkatan-tingkatan perawi *tsiqah*. Rumusan perbincangan beliau dapat dilihat pada jadual di bawah:

Bil.	Bab	Perbincangan	M.S
1.	<i>al-Syāz</i>	Definisi hadith <i>al-syāz</i> merupakan <i>tafarrud</i> perawi yang tidak berkeahlian	48
2.	<i>al-Munkar</i>	Definisi hadith <i>al-munkar</i> merupakan <i>tafarrud</i> perawi dhaif	49
3.	<i>al-Tsiqah</i>	Petunjuk-petunjuk ( <i>qarā'in</i> ) <i>tafarrud</i> seseorang perawi diterima atau tidak	106

Hasil kajian mendapati al-Zahabī membicarakan mengenai *tafarrud* di tiga tempat namun beliau hanya membincangkan mengenai peranan *qarā'in al-tarjīh* dalam menerima sesebuah riwayat *tafarrud* di bab *al-Tsiqah*. Al-Zahabī menjelaskan bahawa riwayat secara *tafarrud* boleh dibahagikan kepada beberapa tingkatan melihat kepada faktor zaman seseorang perawi. Rumusan perbincangan beliau boleh dilihat pada jadual di bawah:

Bil.		Zaman Perawi	Terma yang digunakan untuk <i>tafarrud</i> mereka	Kemungkinan <i>tafarrud</i> diterima	Sebab / Alasan
1.	Perawi daripada kalangan <i>huffāz</i>	<i>Al-Tābi'in</i>	<i>Sahih</i>	Berkemungkinan diterima	Zaman awal bermula era perwayatan
2.		<i>Atbā'al-tābi'in</i>	<i>Sahih Gharib</i>	Sukar diterima	Zaman pertengahan bermula era perwayatan
3.		<i>Ashāb atbā'al-tābi'in</i>	<i>Gharib Fard</i>	Tidak diterima	Zaman kemuncak era perwayatan
4.	Perawi daripada kalangan <i>tsiqah</i> pertengahan	<i>Al-Tābi'in</i>	<i>Sahih</i> / kadang-kadang <i>Gharib</i> / Kadang-kadang <i>Munkar</i>	Melihat kepada keadaan perawi tersebut	Zaman awal bermula era perwayatan

Al-Zahabī berpandangan bahawa *tafarrud* seseorang perawi berkemungkinan diterima dengan syarat perawi merupakan daripada kalangan perawi *huffāz*. Dalam masa yang sama beliau juga menjadikan era zaman seseorang perawi sebagai *qarīnah* diterima *tafarrudnya*. Hal ini demikian kerana secara logiknya perawi yang hidup pada zaman 200 hijrah ke atas mustahil dia boleh mendakwa mempunyai hadith yang tidak pernah diriwayatkan oleh perawi-perawi sebelumnya sedangkan ketika itu merupakan era emas periwayatan hadith.

Namun begitu sekiranya perawi tersebut berstatus *tsiqah* sahaja, terdapat kemungkinan yang lebih rendah *tafarrudnya* diterima. Hal ini berikutan kerana dia merupakan perawi yang dicatatkan ada melakukan kesilapan berbanding perawi daripada kalangan *huffāz* yang sangat jarang melakukan kesilapan.

Oleh itu, dapat disimpulkan al-Zahabī meletakkan dua *qarīnah* utama diterima *tafarrud* seseorang perawi iaitu kekuatan hafalan dan era zaman hidup perawi. Sekiranya perawi tidak mencakupi kedua-dua syarat ini besar kemungkinan *tafarrudnya* tidak diterima.

## KESIMPULAN

Natijah daripada perbincangan keseluruhan kajian dapat merumuskan beberapa perkara. *Tafarrud* dalam istilah para muhaddithīn bermaksud periwayatan secara bersendirian oleh seorang perawi tanpa adanya perawi lain yang meriwayatkan hadith yang sama. Perbincangan mengenai *tafarrud* berkait rapat dengan *qarā'in* berikutan ia merupakan salah satu elemen untuk menentukan keabsahannya. Al-Zahabī dalam karyanya *al-Mūqizah* mengeluarkan dua bentuk *qarā'in* dalam menilai *tafarrud* seseorang perawi sama ada diterima atau tidak. Pertama, kedudukannya dalam hadith atau statusnya. Sekiranya perawi tersebut dikenali cemerlang hafalan maka ini menjadi *qarīnah* diterima *tafarrudnya*. Kedua, era zaman perawi hidup. Sekiranya perawi tersebut hidup lebih dekat dengan zaman Nabi SAW maka kemungkinan besar *tafarrudnya* diterima dan sebaliknya jikalau dia hidup pada era yang lebih jauh seperti 150 hijrah dan ke atas. Justeru itu, kajian mencadangkan perbincangan lanjutan dijalankan atas topik yang sama namun memfokuskan kepada tokoh-tokoh yang berbeza. Hal ini supaya dapat dinilai sama ada berlaku kesepakatan atau tidak dalam metodologi ini. Selain itu, sebuah kajian aplikasi *qarā'in* dalam menaik taraf hadith-hadith masa kini wajar dijalankan agar wacana hadith sentiasa marak dan berjalan.

**RUJUKAN**

- "Qarāin." Al-Ma'āny, 2010, diakses pada 22 November 2023, <https://www.almaany.com/ar/dict/arar/%D9%82%D8%B1%D8%A7%D8%A6%D9%86/>
- ‘Abd al-Jawad Hamam, *Al-Tafarrud fī Riwayah al-Hadith wa Manhaj al-Muhaddithin fī Qabulihi aw Raddihi* (Dirasah Ta’siliyyah Tatbiqiyyah), 2008.
- ‘Ādil al-Zuraqī. ‘Ādil Abd Syakur. *Qawā'id Al-Ilal Wa Qarāin Al-Tarjīh* Riyadh. Riyadh: Dār al-Muhaddith li al-Nasyr wa al-Tawzī', 2004.
- Abdul Samad Shaikh. 2015. The Issue of Tafarrud and Nakarah between Traditionists and Historians (Analytical Study). The Scholar Islamic Academic Research Journal 1(1).
- Abdullah Abdul Rahman al-Sa'ad. *Al-Mufaṣṣal fī Syarh al-Mūqizah*. Riyādh: Dār al-Tauhīd li al-Nasyr, 2017.
- Abdullah Muhammad Hasan. *Al-Qarāin Wa Atharuhā Fi 'Ilmi Al-Hadīth*. Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, 2012.
- Abu al-Qasim al-Husayn bin Muhammad, al-Raghib al-Asfahani (t.t.), *Al-Mufradāt fī Gharīb al-Quran* tahqiq Muhammad Sayyid Kaylani, T.T.P.: T.T.
- Ahmad al-‘Ayid et.al. Al-Mu‘jam al-‘Arabi al-Asasi, T.T: Munazzamah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-‘Uloom, (t.t), 924.
- Ahmad Zulkifli Yusof, Umar Muhammad Noor. 2020. Penerimaan Hadis Tafarrud menurut Ahmad bin Hanbal. Journal Hadis (INHAD) 10(20).
- Aizul Yaakob 2023. Periwatyan al-Tafarrud dan Implikasinya kepada Penilaian Sarjana Hadis dalam Disiplin al-Jarh wa al-Ta’dil. Journal Hadis (INHAD) 13(25).
- Al-Haitham Muhammad. "Qarāin Al-Tarjīh Bayna Aqwāl Al-Jarh Wa Al-Ta’dil Al-Muta’āridah ‘Inda Ibn Addī Fi Kitābihi Al-Kāmil." Disertasi Master, Universiti Tayyibah, 2021.(6).
- Al-Malyabārī, H. A. *Muwāzanah Bayna al-Mutaqaddimīn wa al-Muta’akhhirīn fī Taṣṣīḥ al-Hadīth wa Ta’līliha*. Beirut: Dār Ibn Hazm.2001.
- Al-Qurtubī. *Al-Jāmi’ Li Ahkām Al-Qur’ān*. tahkik Abdullah bin Abd Muhsin. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2006.
- Al-Syarīf Hātim al-‘Awnī. *Syarh Mūqizah al-Zahabī*. Kaherah: Dār Ibn al-Jawzī, 2006, 7.
- Al-Zahabi. *al-Mūqizah fī ‘Ilm Muṣṭalah al-Hadīth*. Beirut: Maktabah al-Maṭbū’āt al-Islāmiyyah bi Halab tahkik Abū Fattah Abū Ghuddah, 1992.
- Ayyub al-Husainī. *Al-Kulliyāt Mu’jam Fi Al-Mustalahāt Wa Al-Furūq Al-Lughawiyyah*. tahkik ‘Adnān Darwisy. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2009.
- Dzul Dzulraidī. Terjemahan Syarah Muqizah Az-Zahabi Terengganu: Paddi Resources, 2023.
- Hanān Qamārī. "Ta’ārud Qarāin Al-Tarjīh Wa Dawābit Daf’ihā ‘Inda Al-Imām Ibn Abi Hātim Min Khilālī Kitābihi Al-‘Ilal." Disertasi Master, Echahid Hama Lakhdar University, 2016.
- Hātim al-Awnī, *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm ‘alā al-Hadīth*. Beirut: Markaz Namā’ li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt, 2018.
- Ibn Fāris, Ahmad bin Fāris. Mu’jam Māqayis Al-Lughah. tahkik Abdul Salam Harun. Vol. 5, Kaherah: Dār al-Fikr, 1979.

- Ismail bin Ahmad. *Al-Sihāh Tāj Al-Lughah Wa Sihāh Al-‘Arabiyah*. tahkik Ahmad Abd al-Ghafur. Beirut: Dār al-‘Ilm, 1987.
- Majdi ‘Atiyyah. *Al-Ilmā’ Fi Itbāth Al-Samā’*. Mesir: Maktabah Ibn ‘Abbās, 2005. 4.
- Masyaqbah, Abdul Rahman Muhammad. "Athar Al-Qarāin Fi Ikhtilāf Al-Nuqqād Fi Tarjīh Bayna Al-Riwāyāt Wa I’lālihā." *Majallah Nisf Sanawiyah Muhkamah* 18, no. 2 (2021), 253.
- Mohd Aizul Yaakob, Roshimah Shamsudin 2019. Periwiyatan Hadith Secara al-Tafarrud Menurut Sarjana Hadith: Antara Penerimaan dan Penolakan. *Journal Hadis (INHAD)* 9(18): 182.
- Mohd Aizul Yaakob, Roshimah Shamsudin. 2019. Analisis Kewujudan al-Mutaba’at dalam Periwiyatan Hadith secara al-Tafarrud. *Ma’alim al-Quran wa al-Sunnah* 15(2).
- Mohd Aizul Yaakob, Roshimah Shamsudin. 2019. Manhaj Sarjana Hadith dalam Menentukan ‘Illah dalam Periwiyatan al-Tafarrud: Kajian Perbandingan antara Sarjana Mutaqaddimin dan Mutaakhirin. *Journal of Hadith Studies* 4(1).
- Mohd Aizul Yaakob, Roshimah Shamsudin. 2021. Manhaj al-Daraqutni dalam Menilai Periwiyatan al-Tafarrud daripada perawi thiqa dalam karya al-‘Ilal al-Warida fi al-Ahadith al-Nabawiyya. *Al-Bayan: Journal of al-Quran and Hadith Studies* 19(1).
- Mohd Awang Idris, Haslina Muhamad, and R Zirwatul Aida R Ibrahim. *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018, 76.
- Muhammad Sayyid Kaylani, T.T.P.: T.T, *Kitab al-Fa’*, h. 375.
- Naurah Didān. "Qarāin Al-Tarjīh Allatī Wāzana Bihā Al-Hāfidh Al-Mizzzi ‘Inda Al-Ikhtilāf Bi Ziyādah Rāwi Au Isqātihi Min Al-Isnād Min Khilāli Kitābihi Tahzīb Al-Kamāl: Dirāsah Nazariyyah." Tesis PhD, Universiti Qāsim.
- Sāmīr al-Kabīsī. "Athar Al-Qarāin Fī Al-Tarjīh Bi Al-Jazm Bi Al-Samā’ Al-Mubāsyir Wa Al-Tahdīth Bihi Mirāran." *Majallah al-Muhaddith al-‘Irāqiyah* 3, no. 1 (2021). Surah Yūsuf, 18.